

Pergerakan Pemuda Umno Percaya JKP Bukan Untuk Tuntutan Bersih 2.0
Bernama
24 Ogos, 2011

KEPALA BATAS, 24 Ogos (Bernama)-- Pergerakan Pemuda Umno percaya cadangan yang akan dijadikan komponen utama rangka kerja bagi Jawatankuasa Khas Parlimen (JKP) bukan hanya terikat dengan tuntutan gabungan pilihan raya bersih dan adil (BERSIH 2.0).

Ketua Pemudanya Khairy Jamaluddin berkata sebaliknya cadangan yang akan menjadi rangka kerja dalam JKP adalah daripada pelbagai pihak termasuk Pergerakan Pemuda Umno, Suhakam dan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar.

"Pergerakan Pemuda Umno setuju dengan penubuhan JKP untuk mengkaji penambahbaikan kepada sistem pilihan raya di negara ini.

"Tetapi kami percaya penubuhan itu bukan kerana cadangan-cadangan daripada Bersih 2.0 sebaliknya daripada pelbagai pihak lain" katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jom Ihya Ramadan Pergerakan Pemuda Umno di Masjid Lahar Tabut di sini hari Rabu.

Turut hadir Ketua Pemuda Umno Kepala Batas Datuk Reezal Merican Naina Merican.

Khairy berkata demikian bagi mengulas laporan laman portal berita yang mendakwa cadangan yang dijadikan komponen utama dalam JKP adalah daripada Bersih 2.0.

Katanya Pergerakan Pemuda Umno turut mengemukakan beberapa cadangan kepada jawatankuasa berkenaan antaranya memansuhkan penamaan calon semasa pilihan raya kerana ini banyak membuang wang, masa dan tenaga kerana terpaksa berkumpul bagi memberi sokongan kepada calon yang akan bertanding.

Beberapa negara maju tidak mengamalkan penamaan calon sebaliknya memberi tempoh 24 jam untuk sesiapa saja mendaftarkan sebagai calon, katanya.

Terdahulu Khairy dalam ucapannya berkata menerusi Program Jom Ramadan 1Malaysia pihaknya memperuntukkan RM130,000 bagi membaik pulih 13 buah masjid dan surau di seluruh negara.

Program ini berlangsung dengan jayanya dan akan diteruskan pada masa akan datang serta memberi lebih tumpuan kepada penglibatan golongan muda, kata beliau.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=610203>